

09/05/2003

Malaysia tidak disenarai negara terjejas

CYBERJAYA: Malaysia tidak pernah dimasukkan dalam senarai negara terjejas akibat wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), kerana sejak penyakit itu dikesan di China pada Mac lalu hingga sekarang, tiada penularan virus dalam negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempengerusikan mesyuarat Kabinet, kelmarin, mahu mesej itu disampaikan kepada rakyat kerana masih ada yang menganggap Malaysia sebuah negara terjejas.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata Kabinet mahu kementerianannya menjelaskan perkara itu walaupun penjelasan sudah dibuat sebelum ini.

"Ini satu mesej penting yang Perdana Menteri dan Kabinet mahu Kementerian Kesihatan sampaikan kepada rakyat. Malaysia adalah negara yang selamat," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara StemLife Sdn Bhd dan Pusat Perubatan Universiti Malaya di sini, semalam.

Chua berkata, meskipun ada tujuh kes kebarangkalian di Malaysia tetapi semuanya berpunca dari China, Hong Kong dan Singapura iaitu negara yang dikategorikan sebagai terjejas.

Negara terjejas bermaksud penularan virus berlaku dalam negara itu seperti China, Hong Kong dan Singapura.

"Malaysia tidak pernah dimasukkan dalam senarai negara terjejas. Semua kes penularan virus yang berlaku adalah kes diimport," katanya sambil menegaskan pemantauan dan langkah keselamatan akan diteruskan bagi memastikan wabak itu tidak menular.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai tidak panik, sebaliknya meneruskan hidup seharian dengan biasa termasuk melancong dalam negeri atau ke negara yang tidak terjejas oleh SARS.